

PM kongsi usaha capai Agenda 2030

Malaysia turut beri pandangan tangani pelbagai cabaran global



Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membuat penampilan sulung di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78 sebagai Perdana Menteri Ke-10 di sini, minggu ini.

Perhimpunan Agung PBB (UNGA) adalah mesyuarat tahunan PBB yang dianggotai 193 negara dan dua negara pemerhati.

Malaysia menjadi negara ke-82 menyertainya pada 17 September 1957, tidak lama selepas hari kemerdekaan pada 31 Ogos tahun yang sama.

UNGA lazimnya dihadiri oleh ketua kerajaan, ketua negara atau wakil untuk berbincang mengenai pelbagai isu dan perkara untuk kepentingan sejagat. Mereka juga akan menyampaikan kenyataan negara masing-masing.

Lebih 140 ketua kerajaan dan ketua negara dijadual hadir, enam naib presiden, empat Timbalan Perdana Menteri, lebih 30 menteri akan berdiri di pentas UNGA untuk menyampaikan kenyataan negara.

Setakat ini, seramai 99 ketua negara, 58 ketua kerajaan dan 35 menteri dijangka menyampaikan kenyataan negara masing-masing pada sesi Debat Umum yang bermula semalam sehingga 26 September.

Semua Perdana Menteri Malaysia pernah menghadiri perhimpunan terbesar pemimpin negara anggota PBB itu, namun beberapa kali diwakili Timbalan Perdana Menteri atau menteri apabila Perdana Menteri tidak dapat mengahdirinya.

Tema kali ini ialah 'Membina Semula Kepercayaan dan Menghidupkan Semula Perpaduan Global: Mempercepatkan Tindakan Agenda 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Ke Arah Keamanan, Kemakmuran, Kemajuan dan Kemampanan Untuk Semua'.

Ia memberi fokus kepada mendapatkan semula momentum dan

mempercepatkan tindakan ke arah pembangunan mampan.

Anwar berada di sini bermula hari ini hingga 23 September dan dijadualkan naik ke pentas bagi menyampaikan kenyataan negara pada jam 10 pagi Jumaat 22 September waktu tempatan atau 10 malam waktu Malaysia.

Beliau diiringi isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa; Speaker Dewan Undangan Negeri, Timbalan Ketua Menteri dan ahli Parlimen serta pegawai kanan kerajaan dari kementerian yang berkaitan.

Nantikan ucapan Anwar

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada sidang media bersama wartawan Malaysia semalam berkata, Perdana Menteri akan berkongsi usaha Malaysia menangani krisis iklim dan mengambil tindakan ke arah mencapai Agenda 2030.

Anwar juga akan memberi pandangan mengenai pelbagai isu global dan peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat antarabangsa dalam mengatasi pelbagai cabaran bersama.

"Ramai pemimpin negara lain yang ditemui sebelum ini menyatakan bahawa mereka menanti-nantikan ucapan Perdana Menteri pada sidang kali ini atas pengalaman dan kepimpinan yang dimiliki," katanya.

Antara pemimpin lain yang dijadual hadir ialah Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden dan Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky yang turut dijadual mengadakan pertemuan, antara lain membincangkan isu pencerobohan Russia.

Presiden Perancis, Emmanuel

Macron dan Perdana Menteri Britain, Rishi Sunak tidak hadir atas alasan tugas negara masing-masing.

Presiden Russia, Vladimir Putin juga tidak hadir kerana risiko ditahan jika ke luar negara, manakala pemimpin China Xi Jinping memang tidak pernah hadir. Ketidakhadiran nama besar ke UNGA adalah kelaziman di PBB.

Sementara itu, Zambry berkata, Perdana Menteri dijadual menyampaikan khutbah solat Jumaat di masjid Pusat Kebudayaan Islam New York (ICCNY), Jumaat ini.

Katanya, Anwar adalah pemimpin negara luar pertama diberi penghormatan sedemikian di masjid ICCNY yang bersejarah, iaitu masjid pertama dibuka di kota New York pada 25 September 1995 yang turut menempatkan ibu pejabat PBB.

Perdana Menteri turut dijadual bertemu pemimpin dan kapten industri menerusi mesyuarat dua hala dengan pemimpin dari Turkiye, Iran, Sri Lanka, Thailand dan Iraq.

Zambry berkata, Anwar juga akan bertemu bekas Perdana Menteri New Zealand, Helen Clark, yang kini adalah Pengerusi Lembaga Inisiatif Ketelusan Industri Ekstraktif, selain menghadiri mesyuarat dua hala bersama Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan sejeurus tiba.

"Mesyuarat bersama Perdana Menteri Iraq, Mohammed Shia al-Sudani, akan membuka peluang kedua-dua negara memperkukuh hubungan dan meneroka bidang kerjasama baharu," katanya.

Anwar juga dijadual menyertai Perbincangan Meja Bulat dengan Fortune 500 Companies dan sesi libat urus dengan Invest Malaysia New York, selain bertemu pelabur seperti Boeing, Kimberly Clark, Phillip Morris International dan Procter & Gamble (P&G).



Zambry pada sidang media sempena UNGA Ke-78 di New York, semalam.

(Foto BERNAMA)